

SULTAN Sharafuddin (kanan) berbual bersama penerima anugerah pada Majlis Gemilang Akademia Putra 2012, semalam.



UPM kekal status

Diiktiraf universiti penyelidikan sehingga tahun 2016

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah
srul@mediaprima.com.my
Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) berada di landasan terbaik dalam usaha mengekalkan statusnya sebagai universiti penyelidikan untuk tempoh tiga tahun lagi sehingga 2016.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, ini berdasarkan maklum balas awal hasil Audit Universiti Penyelidikan ke-3 dijalankan pada 24 dan 25 April lalu.

Beliau berkata, pengiktirafan itu mengukuhkan kedudukan UPM sebagai universiti penyelidikan terulung rantau ini.

"Keputusan rasmi audit ini akan dimaklumkan tidak lama lagi," katanya pada Majlis Gemilang Akademia Putra 2012 di UPM di sini, semalam.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor UPM berkenan berangkat ke majlis tahunan itu.

Hadir sama, Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dr Nayan Ariffin dan Tan Sri Lim Ah Lek.

Pada majlis itu, 13 kakitangan akademik dan dua kaki tangan bukan akademik menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor.

Dua mantan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha Raja Abdullah pula menerima Anugerah Khas Akademia Putra.

Seorang ahli akademik, Prof Madya Dr Mohd Fa-

dlee A Rasid menerima Anugerah Perunding Cemerlang.

Sementara itu, penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor (Penyelidik Cemerlang), Prof Dr Maznah Ismail berkata, beliau akan menumpukan usaha mengkomersialkan hasil penyelidikan untuk dimanfaatkan masyarakat pada tahun ini.

Pensyarah di Jabatan Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

UPM itu berkata, pihaknya juga menasaskan lebih banyak geran penyelidikan terutama dari luar negara.

"Bagi memastikan UPM terus berada dalam ke-

lompok teratas sebagai universiti penyelidikan negara, saya akan terus menghasilkan lebih banyak artikel jurnal Institut Informasi Sainifik (ISI)," katanya.

Tahun lalu, Dr Maznah menerbitkan 26 artikel

dalam jurnal terbabit dan memegang tujuh geran penyelidikan bernilai RM3.6 juta daripada kerajaan dan syarikat korporat.

Penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor (Pengajar Muda), Dr Wan Zuhainis Saad berkata, pengiktirafan itu menyuntik semangatnya bagi meningkatkan sumbangan dalam penyelidikan mikrobiologi khususnya mikologi.

Pensyarah Kanan di Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul sudah enam tahun berkhidmat di UPM itu berkata, kejayaan pensyarah menuntut komitmen tinggi dan perlu bersedia setiap masa.

"Kami juga perlu membuat perubahan selaras dengan keadaan semasa. Pelajar kini tidak lagi hanya bergantung kepada apa diajar dalam kelas, tetapi membuat penyelidikan menggunakan telefon pintar," katanya.

FAKTA
Keputusan rasmi Audit Universiti Penyelidikan ke-3 diketahui tidak lama lagi